

14 DEC 1998

JOHOR DIMINTA ADAKAN KEMPEN PEMILIKAN RUMAH

JOHOR BAHARU, 14 Dis (Bernama) -- Majlis Hal Ehwal Pengguna Johor (MHEPJ) akan mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya mengadakan kempen miliki rumah di negeri ini seperti kempen peringkat kebangsaan yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur.

Pengerusinya, Dr Chua Soi Lek, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri berkata, cadangan itu akan dikemukakan pada mesyuarat Exco kerajaan negeri Rabu ini.

"MHEPJ menerima banyak aduan daripada pihak pemaju di negeri ini yang mendakwa banyak unit rumah teres, kondominium dan kilang milik mereka gagal untuk dijual sejak kegawatan ekonomi," katanya kepada pemberita hari ini.

Menurutnya, Johor merupakan negeri kedua terbesar daripada segi bilangan pemaju yang mengambil bahagian didalam kempen miliki rumah yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lepas dan akan berakhir pada 12 Jan 1999.

Beliau berkata bagi membolehkan kempen itu berjaya di Johor, kerajaan perlu mendapat kerjasama daripada bank, institusi kewangan dan Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM).

-- BERNAMA
RAM NMO